

RPH perlu bantuan berterusan - K. Y. Mustafa

Um 29.08.2012 26

RANAU 28 Ogos - Amalan memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan terutama ketika menempuh bulan mulia ini adalah satu sifat terpuji dan dituntut dalam Islam.

Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Datuk K. Y. Mustafa berkata, amalan menderma dan bersedekah berupaya membentuk kekuatan hebat dan berperanan membangunkan sosio ekonomi masyarakat dengan lebih berkesan.

"Justeru, pihak pengurusan UMS Link meneruskan pemberian sumbangan kebajikan sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi tanggungjawab sosial korporat syarikat (CSR)," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian sumbangan UMS Link Holdings Sdn. Bhd. kepada Rumah Putera Harapan (RPH) Ranau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi UMS Link, Wan Mohd. Azeelan Adnan; Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat, Perundungan dan Governan UMS Link, Yusak Yumboris; Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersialan UMS Link, Terence Chee Su Kyun; Ahli Lembaga Pengarah RPH, Ramli Ibrahim dan Pengurus RPH, Mohd. Sabri Abdullah.

Menurut K. Y. Mustafa, banyak pihak menghulurkan sumbangan



K. Y. MUSTAFA (duduk tiga dari kiri) bersama para petugas dan anak yatim dari Rumah Putera Harapan (RPH) Ranau pada majlis penyampaian sumbangan daripada UMS Link Holdings, di Ranau, Sabah, baru-baru ini.

secara individu dan melalui syarikat-syarikat korporat kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira agama dan kaum.

Beliau berkata, ia merupakan realiti hubungan antara kaum yang

menakjubkan dan merupakan satu keunikan yang sudah sekian lama terjalin di Sabah yang wajar untuk terus dipupuk dalam usaha mengukuhkan lagi semangat 1Malaysia.

Tambahnya, amalan menderma

dan bersedekah tidak hanya wajar dilakukan pada musim perayaan, sebaliknya ia perlu dilakukan pada hari biasa.

"Langkah menderma perlu digerakkan secara serius melalui penye-

diaan prasarana beramal jariah secara profesional serta mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat, termasuk agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sememangnya menghasilkan banyak keuntungan perniagaan," ujarnya.

Kunjungan ke RPH yang dikenalpasti oleh Kelab Kakitangan dan Rekreasi ULink (URECC) dengan kerjasama Seksyen Pemasaran dan Promosi ULink menyampaikan bantuan wang, pakaian hari raya dan pelbagai keperluan harian.

Sementara itu, Mohd. Sabri berkata, RPH yang sudah berusia empat tahun kini mempunyai 30 penghuni dan sembilan daripada mereka akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 2013.

"Sejak kewujudan rumah ini, UMS adalah pihak yang sangat kerap berkunjung menghantar sumbangan dan memberikan khidmat pembelajaran," jelasnya sambil menambah semakin ramai pihak menghulurkan sumbangan untuk membantu RPH.

Kata beliau, RPH tidak menghadapi sebarang masalah kerana belum agak mencukupi namun masalah yang dihadapi ialah berkaitan bangunan dan sumber tenaga untuk membantu memberi pendidikan kepada kanak-kanak.